

# KEJOHANAN RAGBI ANTARA CAWANG/SKUADRON PANGKALAN UDARA GONG KEDAK

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4460-kejohanan-ragbi-antara-cawang-skuadron-pangkalan-udara-gong-kedak-2](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4460-kejohanan-ragbi-antara-cawang-skuadron-pangkalan-udara-gong-kedak-2)

GONG KEDAK, 30 Jan 19 - Pangkalan Udara Gong Kedak telah mengadakan Kejohanan Ragbi antara Cawang/Skuadron tahun 2019 yang telah berlangsung selama 2 hari bermula 29 hingga 30 Jan 19 bertempat di Padang Ragbi, Pangkalan Udara Gong Kedak.

Kejohanan ini melibatkan 6 pasukan antaranya adalah No 11 Skuadron, Cawang Kejuruteraan, Skuadron Bantuan Operasi, Skuadron 321, Gabungan Tadbir/Provos dan Cawang Material. D perlawanan akhir Final Cup, No 11 Skuadron menewaskan pencabarnya iaitu Cawang Kejuruteraan. Bagi perlawanan akhir kategori Final Plate pula telah dimenangi Cawang Material setelah menewaskan pasukan daripada Cawang Tadbir/Provos. Turut hadir menyaksikan perlawanan akhir ragbi Komander Pangkalan, Kol Rozainy bin Ahmad Rapiee @ Ahmad Rofie TUDM, pegawai-pegawai Eksekutif dan anggota bagi pasukan yang bertanding.



